

MURAI BATU KUBUR
Eye-browed/Grey-headed Thrush

FAMILI: Turdidae
NAMA SAINTIFIK: *Turdus obscurus*

CIRI-CIRI

Spesies ini biasanya ditemui secara berkumpulan. Individu jantan mempunyai bahagian atas kepala yang berwarna kelabu dan alis mata berwarna putih. Bahagian atas badan berwarna coklat kehijauan manakala bahagian bawah dada dan tepi badan berwarna perang kemerahan. Individu betina pula mempunyai bahagian kepala yang lebih coklat berbanding jantan dan bahagian tepi badan yang lebih bersih. Individu jantan tahun pertama hampir sama seperti individu betina tahun pertama tetapi biasanya mempunyai bahagian telinga dan atas dada yang lebih kelabu dan bahagian tepi badan yang lebih cerah. Individu betina tahun pertama menyerupai individu betina dewasa tetapi mempunyai pinggir bulu berwarna kuning pudar. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah di antara 22.5-24.5 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada invertebrata, siput dan buah-buahan.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah hutan, hutan sekunder, ladang pertanian, hutan bakau dan taman sehingga ke ketinggian 2, 590 m dari aras laut (biasanya atas 1, 000 m).

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi bunyi *teveteu trryutetyute trryutetyutyu* yang mengandungi dua hingga tiga siri yang jelas, diselangi dengan diam yang pendek. Semasa terbang, ia biasanya mengeluarkan bunyi *zieeh* atau *seee* atau *tseee* yang lebih kasar.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.